

## KOMUNIKASI LISAN DIALEK MELAYU JUGRA

NORFAZILA AB. HAMID  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[norfazila@kuis.edu.my](mailto:norfazila@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Makalah ini membicarakan salah satu varian Dialek Melayu Jugra (DMJ) yang terdapat di Jugra iaitu Varian Kelanang (VKLNG) dan Bandar (VBDR). Dialek ini dikatakan sebagai dialek yang hampir pupus. Oleh itu, kajian ini secara umumnya ingin mengumpul data yang semakin hilang penggunaannya. Data yang dapat dikumpulkan ini dicerakinkan semula aspek-aspek fonologi yang masih belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang DMJ terutamanya dalam menentukan jumlah inventori fonem dan penentuan varian dalam DMJ. Justeru, kajian dalam makalah ini akan menyentuh Varian Kelanang dan Bandar yang dikenalpasti varian yang terdapat dalam DMJ. Kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VKLNG dan VBDR dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal, diftong dan melihat keberadaan alternasi. Pendekatan yang dimanfaatkan dalam mencapai objektif kajian ini ialah pendekatan struktural. Hasil kajian membuktikan bahawa VKLNG mempunyai 8 fonem vokal /i, u, e, o, ε, ɔ, ə, a/ dan memiliki 2 diftong iaitu /-aw, -aj/ dan VBDR mempunyai 6 fonem vokal /i, u, e, o, ə, a/ serta memiliki 2 diftong iaitu /-aw, -aj/ yang digunakan dalam ucapan seharian mereka. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat merungkai segala permasalahan yang timbul dalam kajian-kajian yang lepas dan dapat memelihara jati diri warisan bangsa Melayu Jugra melalui bahasa.

**Kata kunci:** Fonem; fonologi; struktural; varian Kelanang (VKLNG); varian Bandar (VBDR);

## VERBAL COMMUNICATION MALAY DIALECT JUGRA

### ABSTRACT

This paper discusses one of the Malay Jugra Dialect variants (DMJ) found in Jugra, Varian Kelanang (VKLNG) and Bandar (VBDR). This dialect is said to be an almost dying dialect. Therefore, this study generally wants to collect data that is getting lost its use. The data collected could be reassessed the phonological aspects which have yet to be clarified on some of the DMJ studies especially in determining the amount of phoneme inventory and variation determination in the DMJ. Therefore, this study aimed to affect aspects of phonetics and phonology to describe how the phonological system VKLNG and VBDR with displays spread vowel, diphthong and see the presence of alternation. The approach used to achieve the objectives of this study is the structural approach. The results prove that the VKLNG has 8 vowel phonemes /i, u, e, o, ε, ɔ, ə, a/, two diphthongs /-aw, -aj/ and VBDR has 6 vowel phonemes /i, u, e, o, ə, a/ two diphthongs /-aw, -aj/ used in their daily speech. Therefore, it is hoped that this study will solve all the problems

that have arisen in the past studies and to preserve the identity of the Jugra Malay heritage through language.

**Keywords:** Phonem; phonology; structural; Varian Kelanang (VKLNG); varian Bandar (VBDR);

## **PENGENALAN**

Bahasa di dunia tidaklah sama antara satu sama lain. Dalam satu negara, pelbagai bahasa yang digunakan apatah lagi dalam suatu daerah atau negeri. “Bahasa Jiwa Bangsa” dengan jelas menunjukkan bahawa bahasa mencorakkan sesebuah masyarakat. Malaysia mempunyai kepelbagaian dialek yang terdapat dalam sesebuah negeri dan secara tidak langsung boleh dibanggakan bagi melambangkan jati diri sesebuah bangsa. Dialek yang dituturkan dalam sesebuah negeri atau daerah ini merupakan kekayaan bangsa yang juga harus dibina, dikembang dan dikekalkan supaya jati diri kita dapat dikenali seantero dunia. Sehubungan itu dialek-dialek setempat ini wajar dikekalkan sebagai khazanah warisan Melayu melalui bahasa yang boleh dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Bahasa penting dalam segala aspek kehidupan manusia, masyarakat dan negara. Bahasa disifatkan mempunyai perkaitan erat dengan budaya. Oleh itu, bahasa mempunyai hubungan yang signifikan dengan sesebuah masyarakat. Bahasa juga lambang bunyi bahasa yang digunakan masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi dan mengidentifikasikan diri. Setiap daerah mempunyai dialek masing-masing dan mereka hanya dapat berkomunikasi dengan mudah apabila bertembung dengan penduduk setempat yang digunakan dalam situasi yang tidak formal.

Realitinya, penggunaan dialek sebenarnya tidak mematuhi peraturan tatabahasa, sebutan tidak tepat dan hanya disampaikan melalui lisan. Penggunaan dialek perlulah bersesuaian dengan situasi dan keadaan masyarakat sekeliling. Hal ini demikian kerana jika bahasa dialek ini digunakan dalam majlis atau upacara yang formal, hal ini mungkin akan menimbulkan salah faham atau boleh menyebabkan satu pihak tidak memahami perkara yang ingin disampaikan oleh penutur kerana mereka bukan penutur dialek tersebut. Selain itu, penggunaan dialek dalam majlis formal juga boleh dianggap sebagai tidak menghormati bahasa ibunda negara sendiri iaitu bahasa Melayu.

Malaysia sememangnya terkenal dengan pelbagai budaya, sejarah dan masyarakat yang berbilang kaum. Selain kaya dari segi budaya, makanan, tempat-tempat menarik, Malaysia turut dikenali dengan bahasanya. Dialek adalah satu bahasa yang mudah difahami bagi sesebuah tempat. Dialek-dialek yang terdapat di Malaysia melambangkan jati diri sesebuah masyarakat dan menjadi identiti sesebuah negeri.

Keunikan dialek-dialek telah ditonjolkan melalui lagu-lagu yang liriknya menggunakan dialek daerah. Contohnya lagu “Ayam Den Lopeh” yang menggunakan dialek negeri Sembilan dan lagu “Terengganu Kita” yang menonjolkan dialek Terengganu. Selain itu, terdapat juga filem yang menggunakan dialek daerah seperti filem “hantu kak Limah Balik Rumah” yang memperkenalkan dialek Perak. Dengan kewujudan lagu atau filem yang menggunakan dialek daerah ini, masyarakat dapat mengenali kepelbagaian dialek dan keunikan bahasa yang terdapat di negara ini.

Selain itu, Program Penghayatan Cerita Rakyat yang dianjurkan oleh jabatan Warisan Negara untuk pengembangan dan pekekalan warisan dengan menyatukan beberapa penggiat cerita tradisi lisan dari seluruh Semenanjung Malaysia yang kini semakin sukar ditemui. Antara yang diundang adalah tokoh-tokoh yang terdiri daripada Tn. Haji Ali Badron Bin haji Sabor

sebagai penglipurlara, En. Ramli Mahmud sebagai Awang Batil, En. Berahim Kadir sebagai Tok Kelampit dan Dr. Rosli bin Haji Salaudin sebagai Tukang Teromba. Mereka telah mempersembahkan cerita lisan dari negeri masing-masing dengan menggunakan dialek mengikut negeri yang diwakilinya iaitu Johor, Perlis, Kelantan dan Negeri Sembilan.

Melalui program ini, kita dapat memastikan identiti atau jati diri sesebuah tempat atau negeri terus wujud sebagai unsur penting. Melalui pelbagai dialek dalam masyarakat telah membawa kekuatan terhadap dialek negeri masing-masing. Situasi ini secara langsung membawa identiti sesebuah masyarakat di kawasan tersebut seiring dengan latar belakangnya yang membawa ciri-ciri budaya.

Seterusnya, suasana alam dan sekitar dan kehidupan masyarakat Malaysia dari segi ekonomi dan sosial membolehkan mereka menghasilkan variasi bahasa. Malahan, dengan adanya pelbagai suku etnik di Malaysia, masyarakat mewarisi kekayaan khazanah tradisi lisan yang amat berharga. Penggunaan bahasa dialek berkembang sebagai tradisi lisan yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi sebagai usaha mempertahankan tradisi. Melalui tradisi lisan ini, kita dapat memahami dan menyelami pemikiran dan falsafah bagi sesebuah masyarakat. Penggunaan dialek ini mempunyai fungsi dan kepentingannya tersendiri dalam masyarakat.

Secara umumnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan terjadinya dialek sosial dalam bahasa. Faktor tersebut terdiri daripada faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, masa dan seumpamanya (Abdul Hamid Mahmood 1994:1). Dari segi geografi, dialek ini muncul hasil daripada wujudnya perbezaan dari segi udara, keadaan negara, suasana, bukit-bukau, sungai-sungai dan laut dimana faktor-faktor ini telah menyebabkan manusia menetap di tempat-tempat tersebut. Hal ini secara tidak langsung telah menjana penyumbang kepada perkembangan bahasa yang tersendiri di sesetengah tempat. Kita mengambil contoh di Malaysia, bentuk muka buminya yang terdiri daripada bukit-bukau, hutan rimba dan sungai telah menjadi satu halangan kepada penduduknya untuk berhubung dengan masyarakat di tempat lain.

Maka penduduk yang terhad perhubungannya itu akan mencipta satu gaya bahasa atau gaya pertuturan yang tersendiri bagi kawasan yang mereka diami itu yang mana faya pertuturan itu bersifat tersendiri dan tidak sama dengan gaya pertuturan di tempat lain. Misalnya di negeri kedah, penduduknya menuturkan dialek Melayu Kedah sementara di Pahang pula, penduduknya menuturkan dialek Melayu Pahang. Seperti yang kita tahu Kedah dan Pahang terpisah oleh bentuk muka bumi yang dipanggil Banjaran Titiwangsa. Faktor inilah sebenarnya yang telah menyebabkan dialek masyarakat di negeri Kedah dan masyarakat di negeri Pahang ini berbeza.

Faktor yang berikutnya adalah politik. Di Malaysia, dasar politiknya telah membahagikan negara Malaysia kepada unit-unit politik yang lebih kecil iaitu negeri. Unit-unit kecil yang disebut inilah yang akhirnya telah menimbulkan pelbagai dialek dalam bahasa Melayu di Malaysia. Antara dialek yang wujud berdasarkan unit yang dipanggil negeri ini adalah seperti dialek Melayu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Setiap dialek ini mempunyai perbezaannya yang tersendiri dari segi sebutan tetapi mempunyai maksud yang sama. Sebagai contoh, jika dalam bahasa Melayu standard perbuatan membaling disebut membaling, tetapi berbeza di negeri Sarawak, perbuatan membaling di negeri itu disebut sebagai menikam, begitu juga dengan perkataan cantik, di Sarawak masyarakatnya menyebut cantik sebagai kacak. Perbezaan sebutan ini jelas menunjukkan bahawa faktor politik sesuatu negeri itu juga memainkan peranan dalam proses kewujudan dialek-dialek sosial ini.

Faktor seterusnya adalah penjajahan. Melalui penjajahan, penjajajh akan meninggalkan warisan linguistiknya semasa sesuatu kawasan dijajah. Sebagai contoh di negara India, kebanyakan masyarakatnya lebih fasih bertutur dalam bahasa Inggeris berbanding dalam

bahasa India itu sendiri. Hal ini kerana, penjajah British yang menjajah India dahulu telah menyemai dan meninggalkan warisan linguistik mereka di India adalah wujud dialek Standard English Indian dalam cabang bahasa Inggeris. Secara keseluruhannya, faktor-faktor inilah yang telah menyebabkan wujudnya perbezaan dari segi latar belakang masyarakat di sesuatu tempat yang mana masyarakat inilah seterusnya telah mencipta dialek sebagai identiti mereka.

Hasil bacaan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian perpustakaan, kajian linguistik yang melibatkan DMJ hanya ada tiga sahaja kajian yang dilaksanakan oleh ahli linguistik iaitu Collins (1996), Asmah Haji Omar (2008) dan Mumad Chelaeh et al. (2017). Kajian-kajian ini telah dirujuk bagi menilai dan mencari kelompongan yang perlu diisi oleh pengkaji untuk mendapatkan satu hasil kajian yang baharu. Himpunan penyelidikan kajian lampau terhadap dialek yang dikaji turut memberikan gambaran awal kepada pengkaji untuk menghasilkan satu kajian baharu dan menghasilkan pendeskripsian yang lebih berpeda. Oleh itu, dialek Melayu yang diketengahkan dalam kajian ini ialah Varian Kelanang (VKLNG) dan varian Bandar (VBDR).

Oleh itu, pada asasnya objektif kajian dalam makalah ini ialah mendeskripsikan aspek-aspek fonologi yang belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang DMJ. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi (lihat juga kajian Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H, 2010; Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2010; Kaharuddin & Rahim Aman, 2011, Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman, 2016.) dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VKLNG dan VBDR dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal dan diftong dalam kata berlandaskan pendekatan struktural (lihat juga kajian yang sama dalam Norfazila Ab Hamid & Rahim Aman, 2015, Norfazila Ab Hamid et al. 2017, Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman, 2017 dan Norfazila Ab Hamid 2019).

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Richards & Rodgers (Henry, 1991: 1) pula, mengatakan metodologi mencakupi sukatan, pendekatan, strategi atau teknik, dan prosedur. Oleh itu, bolehlah dikatakan metodologi merupakan cara atau tatacara gerak kerja dalam sesuatu penyelidikan. Metod atau kaedah yang baik dan sesuai akan menghasilkan dapatan kajian yang baik. Dalam melakukan sesuatu kajian, beberapa kaedah tertentu boleh digunakan untuk memungut, menganalisis, serta mentafsir data. Dalam bahagian ini secara khususnya membincangkan metodologi dan pendekatan yang dimanfaatkan bagi mengenalpasti inventori fonem yang wujud dalam DMJ. Kajian ini memanfaatkan dua kaedah kajian utama iaitu kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan (pemilihan senarai kata/soal selidik, pemilihan kawasan dan batasan kajian, pemilihan informan, pengumpulan data dan pemaparan data serta analisis data). Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan bagi menghasilkan satu output kajian yang lebih telus.

### **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Kajian kepustakaan, merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod (Mohd Sheffe 1991: 41). Dalam kajian ini, kajian kepustakaan dilakukan untuk mencari maklumat-maklumat penting, seperti latar belakang masyarakat DMJ. Maklumat tentang latar belakang masyarakat ini penting sebelum pengkaji ke lapangan kerana dapat memberikan gambaran awal kepada pengkaji tentang corak kehidupan masyarakat tersebut. Melalui kaedah kepustakaan juga, pengkaji memperoleh kosa ilmu utama berhubung kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu tentang topik

yang hendak dikaji. Maklumat kajian terdahulu ini dapat mengelakkan pengkaji daripada membuat kajian yang sama. Sehubungan itu, kaedah kepustakaan juga adalah satu kaedah utama dalam memperoleh maklumat tentang selok-belok ilmu perbandingan dan dialek. Dasar ilmu perbandingan bahasa mesti kuasai lebih awal. Melalui aktiviti pembacaan ini, maklumat terkini tentang ilmu dialektologi dapat diketahui sekaligus dapat menambahkan kejituan penyelidikan.

### **KAJIAN LAPANGAN**

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1980: xv), kajian lapangan atau kajian luar dalam pengertian umum merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar bilik pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Dalam bidang linguistik, kajian lapangan digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Salah satu aspek penting dalam kajian lapangan ialah strateginya untuk memantapkan sesuatu hasil kajian. Oleh itu, dengan kata lain kerja lapangan ini adalah penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat serta data yang kukuh, bertetapan objektif kajian. Dalam kajian lapangan ini, aspek yang di sentuh ialah pemilihan senarai kata/soal selidik, pemilihan kawasan dan batasan kajian, pemilihan informan, pengumpulan data dan pemaparan data serta analisis data.

### **PEMILIHAN SENARAI KATA**

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan merupakan senarai kata yang digunakan oleh Rahim Aman (1997), dalam kajiannya yang bertajuk '*Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk, dan Mualang*'. Walaupun, senarai kata ini pada asasnya diambil daripada senarai kata tersebut, namun dalam kajian ini, senarai kata tersebut telah diubahsuai supaya bersesuaian dengan masyarakat yang dikaji (lihat Mohd Tarmizi Hasrah et al. 2010, Kaharuddin & Rahim, 2011, Norfazila Ab. Hamid, 2014, Norfazila & Rahim, 2016 dan 2017, Norfazila et al. 2017 dan Norfazila Ab Hamid 2019). Senarai kata ini terdiri daripada 477 perkataan yang terdiri daripada 12 domain makna ini diambil dan diuji sendiri oleh pengkaji di kawasan lapangan terhadap DMJ. Dua belas domain makna tersebut dapat dilihat seperti di bawah.

- |                        |                    |
|------------------------|--------------------|
| 1. Tubuh Badan         | 7. Alat Pertanian  |
| 2. Kata Kerja          | 8. Makanan         |
| 3. Alat Rumah          | 9. Waktu dan Cuaca |
| 4. Nama dan Ganti Nama | 10. Kata Ukuran    |
| 5. Binatang            | 11. Pakaian        |
| 6. Persaudaraan        | 12. Kata Bilangan  |

### **PEMILIHAN KAWASAN DAN BATASAN KAJIAN**

Dalam kajian ini, komuinkasi lisan yang diketengahkan adalah berkisar di negeri Selangor iaitu dialek Melayu Jugra. Negeri Selagor mempunyai sembilan buah daerah seperti Sabak Bernam,

Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Jugra merupakan salah sebuah mukim yang berada dalam daerah Kuala Langat dan berada berhampiran dengan lembangan Sungai Langat. Muara sungai ini dikatakan bercabang menjadi dua sungai yang besar iaitu sungai Jugra dan sungai Langat dan dipercayai merupakan antara petempatan terawal di negeri Selangor. Jugra dipercayai dibuka oleh orang-orang Bugis yang datang dari Johor pada abad ke-18 untuk menjalankan aktiviti perdagangan dengan Melaka.



PETA 1. Kawasan Kajian Mukim Jugra

Peta 1 menunjukkan Peta Mukim Jugra yang terletak di daerah Kuala Langat, Selangor. Antara lokasi yang berhampiran ialah Pulau Carey, Kampung Kanchong Darat, Jenjarum dan Sungai Buaya dan Bandar Jugra menghadap ke Selat Melaka dan berdekatan dengan muara Sungai Langat. Jugra meliputi kawasan Bukit Jugra, Pantai Kelanang, Kampung Sungai Arak dan Kampung Chodoi. Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad yang memerintah negeri Selangor dari tahun 1859- 1898, Bukit Jugra telah dijadikan tempat bersemayam Sultan Selangor. Bukit Jugra merupakan tempat strategik kerana berhampiran dengan laut dan menghadap perairan Selat Melaka dan digelar sebagai Kota Maritim. Bukit Jugra berasal dari sebuah perkampungan kecil Melayu yang bernama Tanjung Kera. Terdapat banyak kera disini iaitu dari pelbagai jenis primate hutan pantai. Dalam kajian DMJ ini Kampung Kelanang dan Kampung Bandar dijadikan salah satu varian yang dikenal pasti wujud dalam DMJ dan dibincangkan dalam kajian ini.

### PENGUMPULAN DATA

Dalam menentukan kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data, seseorang pengkaji haruslah pandai memilih kaedah yang sesuai semasa menjalankan penyelidikan. Ini disebabkan, penggunaan kaedah yang sesuai akan menentukan data yang diperolehi adalah tepat. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan metode cakap. Menurut Mahsun (2005:93), metode cakap disebabkan cara percakapan antara peneliti dengan informan. Adanya percakapan antara peneliti dengan informan mengandungi erti terdapat kontak antara mereka. Oleh itu, data diperolehi melalui penggunaan bahasa secara lisan. Teknik yang akan diguna pakai semasa mengumpul data ialah temu bual, rakaman dan pemerhatian ikut serta.

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1980:7), temu bual ialah satu proses interaksi antara penemu bual dengan responden yang bertujuan mendapatkan maklumat. Dalam kajian ini, kaedah temu bual ini digunakan oleh pengkaji. Soalan yang ditanya kepada informan ialah berkaitan dengan senarai kata yang telah disediakan oleh pengkaji. Semasa sesi temubual, pengkaji telah menggunakan pelbagai cara dan gaya bagi melancarkan sesi temu bual. Salah satu cara yang digunakan bagi mengajukan soalan yang berkaitan dengan anggota tubuh badan, contohnya perkataan 'kuku', pengkaji menggunakan cara dengan bertanyakan "Pak cik, ini panggil apa?" sambil pengkaji tunjukkan kuku. Cara ini sejajar dengan cara yang pernah digunakan oleh Dieth dan Orton (Trudgill, 1990:33): "Apakah yang ada dalam poket saya? [Dengan menunjukkan poket yang kosong] (tidak ada, tiada).

Bagi mengelakkan informan daripada merasa bosan pengkaji cuba beralih topik dengan menyuruh informan bercerita tentang sejarah hidupnya. Berkait dengan penceritaan sejarah hidup ini, contohnya informan di kawasan Balingian menceritakan bahawa penduduk awal Balingian ini merupakan penduduk yang berasal daripada Penan dan bahasanya pula bercampur dengan Punan. Sekiranya pengkaji melihat informan merasa letih, pengkaji mengajak informan berehat dengan cara mempersilakan informan minum minuman yang disediakan. Selepas berehat selama 8 hingga 12 minit, pengkaji membawa informan kembali ke topik asal iaitu menanyakan soalan yang berkaitan dengan senarai kata. Tempoh sesi soal jawab ini mengambil masa selama 2 hingga 3 jam.

Semasa pengkaji menemu bual informan, pengkaji turut menggunakan kaedah rakaman. Kaedah rakaman adalah kaedah yang paling baik digunakan dalam sesuatu kajian. Ini disebabkan, dengan menggunakan kaedah ini maklumat yang diperolehi ini akan dapat disimpan dengan lebih lama untuk dibuat rujukan. Menurut Labov (1972:13), untuk memperoleh data yang bermutu dan lengkap daripada perbualan individu adalah dengan cara merakamkan perbualan yang disertai pemerhatian ikut serta. Dalam kajian ini, rakaman dilakukan secara sedar iaitu informan diajukan soalan dan setiap perbualan itu dirakam. Segala rakaman perbualan yang berkaitan dengan data kajian ini kemudian ditranskripsikan dalam bentuk fonetik. Transkripsi data menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA). Teknik transkripsi ini digunakan semasa proses temu-bual berlangsung dengan informan.

Bagi melengkapkan data, pengkaji turut menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi memastikan apa yang diujarkan oleh informan ini terhadap sesuatu perkara yang dibicarakan adalah benar. Dalam perbualan ini, pengkaji turut ikut serta dalam perbualan dan mencatatkan serba sedikit tentang maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Perkataan yang kurang jelas didengar dicatatkan ditanya kembali oleh pengkaji kepada informan terbabit. Kaedah ini sesuai digunakan memandangkan percakapan adalah spontan dan bersifat natural.

### **PEMAPARAN DAN ANALISIS DATA**

Menurut Mahsun (1995:14) kaedah pemaparan data melibatkan dua cara iaitu i) perumusan data dengan menggunakan istilah biasa dan istilah teknikal linguistik antaranya fonologi; dan ii) perumusan menggunakan simbol atau lambang tertentu. Kedua-dua cara ini diterapkan dalam menganalisis data dalam kajian ini. Perumusan data menggunakan istilah biasa dan teknikal seperti fonetik, fonologi, fonem, fonemik, alternasi, rekonstruksi, retensi, inovasi, pengelasan, refleks dan lain-lain lagi. Istilah teknikal ini berkaitan dengan tertentu sesuai dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji contohnya dalam bidang dialektologi dan ilmu bandingan ini. Antara simbol yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- i) (/ /), kurungan miring ini bermaksud mengapit unsur fonologi;
- ii) (/), melambangkan di persekitaran;
- iii) ([ ]), kurungan siku mengapit unsur bunyi;
- iv) (#), simbol dalam lingkungan tertentu;
- v) (K), lambang konsonan;
- vi) (V), lambang vokal;
- vii) (∅), lambang perubahan kosong;
- viii) (ŋ), konsonan nasal velar;
- ix) (ɲ), konsonan nasal palatal;
- x) (ʔ), konsonan plosif glotal tidak bersuara;
- xi) (dʒ), konsonan afrikat palatal bersuara;
- xii) (ɣ), konsonan frikatif velar bersuara;
- xiii) (ə), vokal tengah (schwa);

### **PENDEKATAN STRUKTURAL**

Kajian ini, adalah berlandaskan pendekatan struktural. Struktural merupakan satu fahaman yang wujud di Eropah berikutan kebangkitan struktural linguistik yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure. Pendekatan struktural ini berasaskan prinsip-prinsip teori strukturalisme. Teori ini mula berkembang pada tahun 1960-an sebagai satu usaha untuk menerapkan kaedah dan wawasan Ferdinand de Saussure pengasas linguistik moden kepada kesusasteraan (Terry Eagleton, 1983:106). Saussure yang merupakan seorang ahli falsafah Swiss (1857-1913) percaya bahawa bahasa mempunyai struktur dalaman yang tersendiri dan mempunyai peraturan-peraturan yang sistematik (Charles, E. Bressler, 1999:89). Oleh itu, dalam analisis data yang berkait rapat dengan bidang fonologi, pendekatan struktural digunapakai dalam menganalisis data. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan pada beberapa hipotesis umum yang terdapat dalam pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudian barulah tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan distribusinya. Pemilihan pendekatan ini adalah wajar kerana sesuai dengan objektif kajian.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihalkan aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980:66), analisis deskriptif terbit dari kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipinggalkan dan diberi lambang. Kemudiannya bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetiknya. Kaedah ini hanya memerlukan penjelasan, huraian atau tafsiran data tentang ciri bahasa sebagaimana ciri itu wujud dan digunakan oleh para penuturnya.

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993:220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan



lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi konsonan, vokal, dan diftong dalam kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

### ANALISIS SISTEM FONEM DMJ VKLNG DAN VBDR

Secara umumnya, terdapat beberapa ciri fonologi yang terdapat dalam varian ini hasil penemuan kajian awal ini. Hasil penemuan ini diteliti daripada beberapa aspek fonologi daripada daftar kata Swadesh yang telah dipilih. Oleh itu, dalam makalah ini bahagian ini hanya akan memaparkan inventori dan penyebaran sistem fonem vokal dan diftong dalam kata bagi kawasan kajian. Penyebaran sistem fonem ini memperlihatkan keberadaan fonem berdasarkan posisinya dalam perkataan, iaitu di posisi awal, tengah atau akhir. Varian DMJ yang diketengahkan dalam kajian ini merujuk kepada VKLNG dan VBDR.

### SISTEM FONEM VOKAL DIALEK MELAYU JUGRA VARIAN KELANANG

DMJ VKLNG mempunyai lapan fonem vokal /i, u, e, o, ε, ɔ, ə, a/ yang terdiri daripada tiga vokal depan, dua vokal tengah, dan tiga vokal belakang. Jadual 1 memaparkan inventori fonem vokal tersebut.

JADUAL 1. Inventori Vokal DMJ VKLNG

Bahagian	Depan	Tengah	Belakang
<b>Kedudukan</b>			
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e		o
Separuh Rendah	ε	ə	ɔ
Rendah		a	

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 2 fonem vokal tinggi iaitu vokal tinggi depan /i/ dan vokal tinggi belakang /u/ yang dibunyikan sebagai [i] dan [u], hadir dalam semua lingkungan kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Sehubungan itu, terdapat dua fonem vokal separuh tinggi iaitu vokal separuh tinggi depan /e/ yang dibunyikan sebagai [e] dan vokal separuh tinggi belakang /o/ yang dibunyikan sebagai [o]. Fonem /e/ dan /o/ hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Seterusnya, terdapat 2 fonem vokal separuh rendah iaitu vokal separuh rendah depan /ε/ dan vokal separuh rendah belakang /ɔ/ yang dibunyikan sebagai [ε] dan [ɔ]. Fonem /ε/ hanya hadir pada posisi tengah kata manakala /ɔ/ hadir pada semua posisi kata. Seterusnya, fonem vokal separuh rendah tengah /ə/ yang dibunyikan sebagai [ə] pula hanya hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Seterusnya, fonem vokal rendah tengah /a/ yang dibunyikan sebagai [a] hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Contoh kesemua penyebaran fonem vokal DMJ VKLNG yang hadir pada posisi kata tertentu ini boleh dilihat dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Penyebaran Fonem Vokal dalam DMJ VKLNG

Jenis Vokal	Penyebaran Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/i/	[idɔŋ]	hidung	[siku]	siku	[gi]	pergi
/u/	[ula]	ular	[kutu]	kutu	[susu]	susu
/e/	[ekor]	ekor	[kulet]	kulit	[pike]	berfikir
/o/	[oʔaŋ]	orang	[pokoʔ]	pokok	[təlo]	telur
/ɛ/	-		[kɔnɛʔ]	kemaluan lelaki	-	
/ɔ/	[ɔʔaŋ]	orang	[kɔnɛʔ]	kemaluan lelaki	[təlo]	telur
/ə/	[səmaʔ]	semak	[pəʔah]	perah	[kualə]	kuala
/a/	[ajam]	ayam	[dʒatuh]	jatuh	[paga]	pagar

Seterusnya, berdasarkan kajian yang dilakukan, DMJ VKLNG memiliki dua diftong iaitu /-aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [-aw, -aj]. Dua diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata sahaja. Dua diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata. Contoh data yang diutarakan ialah seperti dalam Jadual 3.

### SISTEM FONEM DIFTONG DIALEK MELAYU JUGRA VARIAN KELANANG

JADUAL 3. Penyebaran Diftong Dalam DMJ VKLNG

Jenis Diftong	Penyebaran Diftong Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/aw/	-		-		[idʒaw]	hijau
/aj/	-		-		[surʒaj]	sungai

### SISTEM FONEM VOKAL DIALEK MELAYU JUGRA VARIAN BANDAR

Selain DMJ VKLNG, dalam kajian ini turut diketengahkan DMJ VBDR. VBDR mempunyai enam fonem vokal /i, u, e, o, ə, a/ yang terdiri daripada tiga vokal depan, dua vokal tengah, dan dua vokal belakang. Jadual 4 memaparkan inventori fonem vokal tersebut.

JADUAL 4. Inventori Vokal DMJ VBDR

Bahagian	Depan	Tengah	Belakang
<b>Kedudukan</b>			
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e		o
Separuh Rendah		ə	
Rendah		a	

Berdasarkan Jadual 4, terdapat 2 fonem vokal tinggi iaitu vokal tinggi depan /i/ dan vokal tinggi belakang /u/ yang dibunyikan sebagai [i] dan [u], hadir dalam semua lingkungan kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Selain itu, terdapat dua fonem vokal separuh tinggi iaitu vokal separuh tinggi depan /e/ yang dibunyikan sebagai [e] dan vokal separuh tinggi belakang /o/ yang dibunyikan sebagai [o]. Fonem /e/ dan fonem /o/ hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Manakala, fonem vokal separuh rendah tengah /ə/ yang dibunyikan sebagai [ə] pula hanya hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Seterusnya, fonem vokal rendah tengah /a/ yang dibunyikan sebagai [a] hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Contoh kesemua penyebaran fonem vokal DMJ VBDR yang hadir pada posisi kata tertentu ini boleh dilihat dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Penyebaran Fonem Vokal Dalam DMJ VBDR

Jenis Vokal	Penyebaran Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/i/	[ipa]	ipar	[kiʔi]	kiri	[gigi]	gigi
/u/	[usus]	usus	[tulaŋ]	tulang	[dəbu]	debu
/e/	[eko]	ekor	[bəseh]	bersih	[təgəlɪntʃe]	tergelincir
/o/	[otaʔ]	otak	[muloʔ]	mulut	[təlo]	telur
/ə/	[əmpat]	empat	[bətiʔ]	betik	[kualə]	kuala
/a/	[aka]	akar	[masaʔ]	masak	[paga]	pagar

### SISTEM FONEM DIFTONG DIALEK MELAYU JUGRA VARIAN BANDAR

Selanjutnya, DMJ VBDR memiliki dua diftong iaitu /-aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [-aw, -aj]. Dua diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata sahaja. Dua diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata. Contoh data yang diutarakan ialah seperti dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Penyebaran Diftong Dalam DMJ VBDR

Jenis Diftong	Penyebaran Diftong Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/aw/	-		-		[pisaw]	pisau
/aj/	-		-		[səmaj]	semai

### KESIMPULAN

Dalam makalah ini, pengkaji telah mendeskripsikan aspek-aspek fonologi yang belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang DMJ. Analisis data bermula daripada penyebaran fonem dan bunyi yang terdapat dalam kawasan kajian berdasarkan bunyi vokal dan diftong. Hasilnya, paparan data komunikasi lisan yang digunakan dalam ucapan seharian mereka melalui DMJ ini memperlihatkan VKLNG mempunyai mempunyai 8 fonem vokal /i, u, e, o, ε, ɔ, ə, a/ yang terdiri daripada tiga vokal depan, dua vokal tengah, dan tiga vokal belakang dan memiliki 2 diftong iaitu /-aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai sebagai [i, u, e, o, ε, ɔ, ə, a] dan [aw, aj]. Manakala, VBDR pula mempunyai enam fonem vokal /i, u, e, o, ə, a/ yang terdiri daripada dua vokal depan, dua vokal tengah, dan dua vokal belakang dan memiliki dua diftong iaitu /-aw, -aj/ yang dibunyikan sebagai [i, u, e, o, ə, a] dan [aw, aj].

Hasil penemuan ini diharap dapat memberikan satu penemuan yang baharu yang dapat membantu merungkai permasalahan yang timbul dalam kajian-kajian yang lepas dan secara tidak langsung kajian ini memperlihatkan DMJ ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Keunikan ini secara tidak langsung sebagai lambang jati diri setiap negeri dan kemadirian jiwa Malaysia dalam masyarakat setempat. Dialek juga boleh dijadikan sebagai kebanggaan untuk negeri masing-masing serta dapat membezakan masyarakat dari negeri tersebut atau tidak. Sehubungan itu, dialek ini juga boleh merapatkan lagi hubungan antara masyarakat setempat dan sebagai salah satu tarikan tarikan pelancong untuk datang ke negara ini. Kepelbagaian dialek ini menyebabkan pelancong luar negara datang ke negara kita untuk mempelajari dialek-dialek yang terdapat di Malaysia. Kedatangan pelancong secara tidak langsung akan menyebabkan pendapatan negara kita meningkat.

### RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood & Nor Aina Dani. 1994. Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Dusun. *Jurnal Dewan Bahasa*, 38 (9), 772-775.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James. T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Information Malaysia 1992-93 Year Book*. 1992. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Kaharuddin & Rahim Aman. 2011. Hukum Bunyi dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa

- Makassar. *Jurnal Melayu*, 7, 287-302.
- Henry Guntur Tarigan. 1991. *Metodologi Pengajaran Bahasa 1*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Labov, W. 1972. *Sociolinguistic Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania.
- Mahsun. 1995. *Dialektologi Diakronis Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada Universitas Press.
- Mahsun. 2005. *Metode Penelitian Bahasa*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Mumad Chelaeh, Rahim Aman, Shahidi A. Hamid, Nazihah Najwa Othaman, Suhailah Ruslan, Nooraniza Abu Bakar, Rusydiah A. Salam, Fatin Hakimah M. Fadzil & Miss Deela Sinur. 2017. Penerokaan Maklumat Linguistik dalam Dialek Melayu Jugra: Penelitian Fonologi Struktural. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 12 (3), 1-29.
- Mohd. Sheffei Abu Bakar. 1991. *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H. 2010. Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Jaringan Sungai. *Jurnal Melayu*, 5: 315-332.
- Norfazila Ab Hamid & Rahim Aman. 2015. Menentukan Inventori Fonem Varian Melanau Oya dengan Menggunakan Pendekatan Struktural. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Linguistik Kebangsaan 2015 (SliK) (berprosiding). Anjuran Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) dengan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka dan Universiti Kebangsaan Malaysia, 20-21 Januari, 63-78.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2016. Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu*, 15 (1), 99-112.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2017. Varian Dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: Analisis Linguistik Bandingan. *Gema Online*, 17 (2), 219-244.
- Norfazila Ab. Hamid, Norhasliza Ramli & Rahim Aman. 2017. Sistem Jaringan Komunikasi Langkawi varian Kedawang. *Jurnal Melayu Isu Khas 2017*, 407-418.
- Norfazila Ab Hamid. 2019. Inventori Fonem Dialek Melayu Jugra di Permatang Pasir. *Jurnal Melayu*, 18 (1), 29-42.
- Rahim Aman. 1997. *Perbandingan Fonologi dan Morfologi Bahasa Iban*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2010. Perbandingan Dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah. *Jurnal Melayu*, 5, 333-374.
- Trudgill, P. & Chambers, J.K. 1990. *Dialektologi*. (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan Teh. 1980. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### **Biodata Penulis:**

**Norfazila Ab. Hamid (PhD)** adalah Pensyarah Kanan di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kini memegang jawatan sebagai Dekan, Pusat Pengajian Teras, KUIS. Lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang Linguistik Bandingan Sejarahawi & Dialektologi.